

22/09/2003

Dr M pahlawan cemerlang

Kadir Dikoh

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berpuas hati dan lega selepas menghadiri sambutan Ulang Tahun ke-50 Kecemerlangan Kongsi Kuasa Barisan Nasional (BN) di Stadium Merdeka, petang Sabtu lalu.

"Sepanjang perjalanan kami dari stadium ke Seri Perdana di Putrajaya, Perdana Menteri mempunyai mood yang baik dan berbual seperti biasa dengan Datin Seri (Dr Siti Hasmah Mohd Ali)," kata pemandunya selama 22 tahun, Syawal Agus.

Seperti biasa Dr Mahathir yang sudah berusia 78 tahun, tidak nampak letih meskipun sepanjang petang berada di Stadium Merdeka serta berdiri kira-kira sejam ketika berucap. Malah, ketika berjalan keluar di pintu masuk stadium untuk ke keretanya, orang ramai berpusu-pusu untuk berjabat tangan dan ada yang bergambar.

Tetapi sayang lagu syahdu Pahlawanku dinyanyikan sewaktu ketibaan Dr Mahathir dan sepanjang mengelilingi stadium menaiki Proton Cabriolet. Mungkin lebih sesuai lagu itu dinyanyikan pada babak akhir bagi mengiringi Perdana Menteri keluar.

Seorang pahlawan meninggalkan medan perang, bukan terkorban tetapi dengan penuh kejayaan.

Lirik lagu patriotik itu antara lain berbunyi:

"Pahlawanku

Pergilah berjuang untuk bangsa

Jangan ragu

Namamu tetap dipuja"

Selama 22 tahun, Dr Mahathir berjuang untuk bangsa dan negaranya sebagai Perdana Menteri meskipun beliau tidak minta namanya dipuja. "Saya hanya mahu dikenali sebagai Mahathir bin Mohamad," katanya seketika dulu ketika ditanya bagaimana beliau mahu dikenali selepas bersara.

Lirik lagu itu juga berbunyi:

"Selamat kau pergi

Selamat kembali

Dengan hati suci

Dan tak takut mati"

Ya, Dr Mahathir akan kembali selepas bersara untuk membantu kempen BN. "Saya sendiri akan turun padang. Saya akan berkempen walaupun sebagai ahli biasa yang tidak menjadi calon," katanya pada sidang media selepas perhimpunan di Stadium Merdeka itu.

Lagu ciptaan Yusoff B itu ditujukan khas untuk pasukan beruniform dan diharapkan ada pencipta yang mencipta lagu seumpamanya khusus untuk pemimpin negara seperti Dr Mahathir.

Begitu pun sambutan ulang tahun ke-50 BN itu berjaya meskipun kelihatan seperti perhimpunan perpisahan untuk Dr Mahathir sebagai penghargaan kerana sumbangannya yang amat besar kepada negara dan BN itu sendiri.

Ketika berucap pada perhimpunan itu, Dr Mahathir bagaikan tidak bersetuju dengan Yusoff B pada lirik lagu itu apabila sekali lagi menyebut bahawa beliau akan melepaskan jawatan pada akhir Oktober ini. Sekali lagi diperturunkan antara lirik lagu ciptaan Yusoff berbunyi:

"Biar mati

Sebagai pahlawan yang sejati

Jangan undur

Jasamu kelak bertabur"

Apa pun, mesej yang disampaikan oleh Dr Mahathir pada perhimpunan itu hendaklah diamati dan beliau tetap berpuas hati dengan sambutan yang diberikan.

Bercakap pada sidang akhbar itu, Dr Mahathir antara lain berkata: "Ya, saya puas hati tidak siapa pun keluarkan pendapat yang negatif. Semuanya

memberi sokongan kepada Pak Lah, jadi saya balik ni saya pun lega," katanya.

Ada tiga mesej utama disampaikan oleh Dr Mahathir ketika berucap selama 55 minit pada perhimpunan raksasa terakhir seumpamanya dihadiri beliau sebelum bersara.

Pertama ialah meminta semua ahli BN memberi sokongan padu kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi apabila menjadi Perdana Menteri nanti, kedua untuk menjamin BN terus berkuasa dengan majoriti lebih dua pertiga di Parlimen dan ketiga untuk mereka mengingati sejarah BN itu sendiri serta pengorbanan pemimpin terdahulu mengasaskan BN, dulu dikenali sebagai Perikatan.

Dr Mahathir mahu BN yang dianggotai 14 parti komponen terus mantap selepas beliau bersara nanti

Pengerusi BN itu berkata beliau tidak ragu-ragu untuk menyerahkan kuasa kepada Abdullah memandangkan kerjasama yang ditunjukkan oleh semua parti komponen amat memuaskan.

Nescaya amanat itu amat penting untuk diingati pemimpin dan ahli semua 14 parti komponen kerana pilihan raya umum menjelang tiba. Lebih daripada itu ialah pilihan raya umum nanti bakal diketuai oleh Abdullah selaku Perdana Menteri baru dan Pengerusi BN.

Dr Mahathir sendiri sudah pasti mahukan BN terus cemerlang di bawah kepemimpinan Abdullah, seperti mana prestasi gabungan itu selama 22 tahun lalu atau 50 tahun lalu.

Bagaimanapun, sama ada Dr Mahathir atau Abdullah dalam ucapan masing-masing pada perhimpunan itu, langsung tidak memberi sebarang bayangan bila pilihan raya umum akan datang diadakan.

Malah ketika ditanya pada sidang media selepas perhimpunan itu, Dr Mahathir menoleh ke arah Abdullah untuk menjawab tetapi Timbalan Perdana Menteri cuma senyum dan menjawab dengan ringkas iaitu rahsia.

"Saya rasa pilihan raya umum mungkin diadakan pada suku pertama tahun depan. Pak Lah tidak perlu tergesa-gesa mengadakan pilihan raya kerana sokongan terhadap BN masih kukuh," kata Ketua Umno Bahagian Johor Bahru, Datuk Shahrir Samad yang juga ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno.

"Pak Lah sebenarnya memainkan peranannya dengan begitu baik sekali, beliau tidak gopoh kerana tahu masanya akan tiba," kata Shahrir merujuk kepada stail Abdullah yang sentiasa tenang dan tidak membuat kenyataan berbentuk kontroversi.

Mungkin tidak menjadi masalah untuk BN terus menguasai dua pertiga kerusi di Parlimen tetapi bagaimana pula nasibnya di Kelantan dan Terengganu?. Pas seperti diketahui sedang mengejar impian menguasai Kedah dan Perlis.

Sudah bersediakah Umno di negeri-negeri terbabit. Apa yang dibimbangkan ialah pergeseran sesama Umno dan perkara ini mesti ditangani sebaik mungkin oleh Abdullah kerana pilihan raya ini akan menjadi pilihan raya untuknya.

Bagi parti komponen pula, mereka hendaklah menjalankan tanggungjawab secara kolektif dan mengelak daripada menikam rakan dari belakang seperti apa yang kerap berlaku di Sabah.

Kerana pergeseran sesama sendiri ini jugalah menyebabkan banyak parti politik ditubuhkan oleh kumpulan yang tidak berpuas hati.

Bayangkan, daripada 14 parti komponen, lebih separuh atau sembilan adalah di Sarawak dan Sabah. Di Sabah saja, ada lima parti anggota BN dan hampir kesemuanya ditubuhkan oleh kumpulan yang berpecah daripada satu parti asal.

Di Sarawak pun begitu. Contohnya Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) ditubuh oleh sekumpulan bekas pemimpin kanan Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP). Bila SNAP yang ditubuhkan pada 1961, menghadapi masalah kepemimpinan November lalu, Pendaftar Pertubuhan (ROS) membubarkannya dan kumpulan yang berpecah menubuhkan Parti Demokratik Maju Sarawak (SPDP).

Januari lalu, BN menerima kemasukan SPDP. Kini PBDS pula menunggu keputusan ROS berikutan krisis kepemimpinan dan sudah ada ura-ura kumpulan

yang bertelagah mahu menubuhkan parti baru.

Penulis sendiri bertanya kepada Dr Mahathir dalam sidang akhbar itu apakah perlu parti-parti ini bergabung bagi menubuh parti lebih besar untuk mengurangkan permainan politik tetapi jawapan Perdana Menteri lebih berhati-hati.

"Itu terpulang kepada mereka, jika mereka pilih untuk bergabung, kita tidak ada masalah. Kalau mereka tidak hendak bergabung kerana ada berlainan pendapat atau suku kaum, kita serah kepada mereka. Kita tidak paksa.

"Di Malaysia kita tidak paksa sesiapa menerima sesuatu. Kita nak bebaskan semua kaum dengan cara mereka, semua parti dengan cara mereka. Asalkan mereka berpegang kepada prinsip perjuangan BN, prinsip kongsi kuasa," katanya.

Mungkin cara terbaik ialah untuk BN berhenti daripada menerima keanggotaan parti baru yang ditubuhkan semata-mata kerana berselisih faham. Bagi sesetengah pihak, ini agak sukar diterima kerana dalam politik mungkin penaja parti baru itu lebih membawa faedah kepada kumpulan tertentu dan tidak kepada kumpulan yang lain.

Tetapi ada juga berpendapat, lebih baik menerima saja mereka ke dalam BN kerana jika tidak, perasaan merajuk boleh membawa padah kepada BN terutama jika mereka menyertai pembangkang dan ini boleh menggugat keadaan.

Mungkin menyedari risiko ini, Dr Mahathir amat berhati-hati menangani permasalahan ini kerana bagi beliau yang penting ialah mereka terbabit menerima konsep serta perjuangan BN.

Beliau tidak memikirkan kepentingan peribadi atau kelompok tetapi kepentingan BN dan negara. Itulah pahlawan sebenar.